

Lawatan Kerja Delegasi KUKUM Ke Universiti-Universiti Indonesia

Satu delegasi dari KUKUM telah membuat lawatan ke Jakarta, Indonesia dari 18hb hingga 22hb Januari 2006. Delegasi terdiri daripada Rektor KUKUM, Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi), Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektrik, Prof. Madya Zaliman Sauli, Pegawai Tadbir (Pengantarabangsaan), Puan Nur Isyalliena Ishak dan Pegawai Tadbir (Unit Latihan) Cik Ruswahida Ibnu Ruslan.

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk menandatangani MOU di antara Universitas Trisakti dan Institut Pertanian Bogor. Antara perkara yang dibincangkan ialah :

- 1) Membincangkan kemungkinan untuk mendapatkan tempat yang sesuai untuk staf akademik dan bukan akademik KUKUM untuk menyambung pengajian di peringkat Msc. Dan PhD. Kemungkinan menghantar staf KUKUM ke Indonesia untuk penempatan sabbatical juga ditinjau.
- 2) Untuk mendapatkan staf akademik yang bersesuaian untuk dilantik sebagai pensyarah, kontrak, pakar akademik kunjungan, pemeriksa luar dan penasihat kepada program ijazah di KUKUM.
- 3) Membincangkan kerjasama penyelidikan yang boleh direalisasikan dan memperolehi maklumat lanjut tentang peluang latihan yang dapat dijalankan.
- 4) Mengkaji kesesuaian strategi dan organisasi yang dilaksanakan di pusat penyelidikan di sana.
- 5) Meninjau kesesuaian untuk melaksanakan program pertukaran pelajar dan staf antara universiti.

Universiti yang telah dilawati adalah seperti Universitas Trisakti, Institut Pertanian Bogor (IPB) dan Institut Teknologi Bandung (ITB)

i) Universitas Trisakti

Lawatan ke Universitas Trisakti telah diadakan pada hari

Khamis (19hb Mei 2006). Pembentangan mengenai Universitas Trisakti telah dibentangkan kepada delegasi daripada KUKUM. KUKUM juga tidak ketinggalan untuk menyampaikan pembentangan mengenai KUKUM melalui video korporat.

Di Universitas Trisakti, KUKUM berjaya menjalin kerjasama yang lebih erat dengan menandatangani MOU kerjasama di dalam pelbagai bidang. Majlis ini telah diadakan di Peninsula Hotel, Lt II, Merica 1.

ii) Institut Pertanian Bogor (IPB)

Lawatan hari berikutnya adalah ke Institut Pertanian Bogor (IPB) pada hari Jumaat (20hb Januari 2006). Di ITB, kedatangan delegasi disambut baik oleh timbalan rektornya iaitu Prof Dr Asep Saifuddin serta pegawai-pegawai tinggi yang lain. Antara makmal yang dilawati adalah makmal biofarmakologi, makmal teknologi pertanian dan makmal bioteknologi. Salah satu projek yang dijalankan oleh Institut Pertanian Bogor (IPB) adalah projek menghasilkan ubat herba dari tumbuh-tumbuhan semulajadi.

Di IPB, KUKUM berjaya menjalin kerjasama yang lebih erat dengan menandatangani MOU kerjasama di dalam pelbagai bidang. Majlis ini telah diadakan di Rektorat Institut Pertanian Bogor.

iii) Institut Teknologi Bandung (ITB)

Lawatan pada hari ketiga telah diadakan pada hari Sabtu (21h Januari 2006) di Institut Teknologi Bandung (ITB). Kedatangan delegasi telah dialu-alukan oleh rektor ITB dan timbalan rektor serta pegawai-pegawai tinggi lain.

Di ITB, pihak KUKUM hanya melawat sekitar kampus di ITB sahaja. Perbincangan lanjut juga telah diadakan sebelum ini, semasa majlis makan malam di Grand Hyatt Jakarta bersama Institut Teknologi Bandung (ITB), Institut Pertanian Bogor (IPB) dan Universitas Trisakti. Lawatan ke kampus ini adalah susulan daripada perbincangan yang diadakan sebelum ini.





Berita KUKUM

iii) *University of Athens (UOA), Greece*

Lawatan pada hari kelima iaitu pada hari Rabu (5hb April 2006) adalah lawatan ke UOA yang terletak di bandaraya Greece.

Di UOA, pihak KUKUM dan UOA berbincang mengenai kerjasama-kerjasama yang bakal dijalankan dan UOA mengalu-alukan dan berbesar hati menerima kunjungan daripada KUKUM.

iv) *Technological Education Institute of Piraeus*

Pada keesokan harinya iaitu pada hari Khamis (6hb April 2006) lawatan diteruskan ke T.E.I of Piraeus dan T.E.I of Athens. Delegasi KUKUM dibahagikan kepada 2 kumpulan memandangkan lokasi universiti tersebut terletak di tempat yang berbeza. Lawatan ke T.E.I of Piraeus diketuai oleh Canselor KUKUM, DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, diikuti oleh Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dan Puan Nur Isyalliena. Manakala lawatan ke T.E.I of Athens diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zul Azhar dan diikuti oleh Encik Oliver, second secretary, Kedutaan Malaysia di Berlin.

Di sini juga KUKUM telah berjaya menjalinkan kerjasama dengan kedua-dua buah universiti teknikal melalui MOU yang ditandatangani.

Pada sebelah tengahari perjumpaan di antara Deputy Minister of Education & Religious Affairs – Mr Spyros Talia Dourus, diadakan di pejabatnya. Beliau amat berbesar hati menerima kunjungan daripada delegasi KUKUM ke Greece. Beliau juga mengalu-alukan kerjasama di antara Malaysia dan Greece.

v) *Geneva, Switzerland*

Pada 1hb April 2006, delegasi KUKUM bertolak ke Zurich, Switzerland dengan menaiki kapal terbang yang mengambil masa lebih kurang 3 jam. Pada keesokan harinya, DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal bertolak ke Geneva dengan menaiki tren untuk menyaksikan upacara penutup Pertandingan Penyelidikan di mana KUKUM juga turut terlibat.

Keputusannya adalah amat menggembirakan, apabila 4 daripada yang dipertandingkan, KUKUM telah berjaya meraih 1 pingat emas dan 2 pingat perak.